

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Air mineral tercemar bakteria 'Pseudomonas aeruginosa'

Pengeluar berdepan tindakan tegas

Kementerian
kenal pasti
produk, punca
pencemaran

Oleh Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my



Lee Boon Chye

Ipoh: Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat pengeluar air minuman botol yang dikesan mengandungi bakteria 'Pseudomonas aeruginosa' selepas siasatan penuh dilakukan.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata pemantauan lebih terperinci sedang dilakukan terhadap syarikat pengeluar air mineral terbabit.

Katanya, kementerian kerap menjalankan pemantauan keselamatan makanan dalam pasaran di beberapa peringkat sama ada yang dijual atau semasa diproses secara berkala dan rawak.

"Dalam hal ini, kita belum mengenal pasti jenis jenama (air minuman) mana yang terbabit dan tercemar dengan bakteria Pseudomonas aeruginosa.

"Kita perlu mengenal pasti sama ada hanya satu jenis (atau keseluruhan produk) yang tercemar dan bagaimana punca pencemaran berlaku.

"Jika berlaku pada peringkat pengeluaran, kita akan arahkan syarikat terbabit memperbetulkan pengeluaran dan tindakan akan diambil," katanya selepas merasmikan Hari Kesihatan Keluarga di Dewan Dato Chin Pek Soo Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Ave Maria Convent, di sini, semalam.

Boon Chye berkata, pihaknya bagaimanapun tidak akan mendedahkan syarikat air berkenaan demi menjaga kepentingan orang ramai.

Katanya, syarikat terbabit turut memiliki beberapa jenis jenama air minuman yang dijual di negara ini.

Media sebelum ini melaporkan satu lagi air minuman botol dari sebuah syarikat pengeluar Malaysia yang dihantar ke Singapura dikesan mengandungi 'Pseudomonas aeruginosa' iaitu bakteria alam sekitar yang biasa.

Memetik laporan itu, dalam pekeliling kepada pengimport air botol, Singapore Food Agency (SFA) memaklumkan melalui pengawasan baru-baru ini, penghantaran air minuman botol dari negara ini dikesan mengandungi bakteria itu.

Berikutan pengesanan itu, SFA menyatakan pengimportan semua minuman daripada pengilang terbabit tidak dibenarkan dengan serta-merta.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

KKP semua hospital perlu dikaji semula

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan disaran mengkaji semula Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di semua hospital bagi mengenal pasti kelemahan serta penyelesaian terhadap isu terbabit.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata antara isu KKP yang perlu ditangani adalah kurangnya kesedaran dan minat untuk belajar serta menjadikan amalan yang baik sebagai budaya di tempat kerja.

Katanya, sebahagian ahli jawatankuasa KKP juga tidak benar-benar mema-

hami peranan mereka di tempat kerja, manakala segelintir kakitangan tidak mengetahui dasar KKP organisasi mereka.

"Selain itu, terdapat kes kakitangan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP), termasuk keperluan memakai peralatan perlindungan diri yang sesuai (PPE) dan kecederaan akibat tercucuk jarum, masih dilaporkan dalam kalangan kakitangan perubatan.

"Bekerja di hospital amat berbahaya dan mengikut statistik Biro Buruh Amerika Syarikat, kemungkinan kecederaan atau penyakit lebih tinggi di hospital berbanding sek-

tor pembinaan dan pembuatan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, kecederaan dan penyakit ketika bekerja membabitkan kos yang tinggi kerana pihak hospital perlu membayar pampasan serta kos perubatan, malah ia akan menjadi serius jika berlaku kes kematian.

"Keselamatan di tempat kerja turut memberi kesan kepada pesakit kerana pe- tugas yang keletihan, sakit atau tertekan mempunyai risiko lebih tinggi untuk melakukan kesilapan termasuk salah memberi ubat selain menyebarkan jangkitan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 24

RUANGAN : SETEMPAT

KKM pantau syarikat air minuman botol ada bakteria

Ipol: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat pengeluar air minuman botol dikesan mengandungi bakteria *Pseudomonas aeruginosa* selepas memperoleh siasatan lengkap.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, KKM juga sedang melakukan pemantauan lebih terperinci

terhadap syarikat berkenaan yang mempunyai beberapa jenis jenama air minuman dijual di negara ini.

Katanya, kementerian sentiasa menjalankan pemantauan keselamatan makanan dalam pasaran di beberapa peringkat sama ada dijual atau ketika proses yang pemantauan dilakukan secara berkala dan rawak.

"Dalam hal ini, kita masih belum mengenal pasti jenis jenama yang tercemar dengan bakteria *Pseudomonas aeruginosa*.

"Kita perlu mengenalpasti sama ada hanya satu jenis yang terkena (atau semua produk) dan punca pencemaran berlaku. Sekiranya berlaku di peringkat pengeluaran, kita akan mengarahkan syarikat berkenaan mem-

perbetulkan pengeluaran dan tindakan akan diambil," katanya selepas merasmikan Hari Kesihatan Keluarga di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Ave Maria Convent, semalam.

Dr Lee ketika ditanya mengenai tindakan KKM yang tidak mendedahkan nama syarikat berkenaan, beliau berkata, syarikat itu mempunyai banyak jenama dan memerlukan siasatan terperinci sebelum didedahkan.

Media sebelum ini melaporkan satu lagi kiriman air minuman botol dari sebuah syarikat pengeluar Malaysia ke Singapura dikesan mengandungi *Pseudomonas aeruginosa* iaitu bakteria alam sekitar yang biasa.

Dalam pekeliling dialamatkan kepada pengimport air botol, *Singapore Food Agency* (SFA) memaklumkan bahawa melalui pengawasan baru-baru ini, penghantaran air minuman botol dari syarikat tempatan dikesan mengandungi bakteria itu.

Berikutan pengesanan itu, SFA menyatakkan bahawa pengimportan semua botol minuman dan air mineral dari pengilang terabit tidak dibenarkan dengan serta-merta.



“ Syarikat itu mempunyai banyak jenama dan memerlukan siasatan terperinci sebelum didedahkan ”
Dr Lee Boon Chye

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NATION/NEWS

BACTERIA DETECTED

PROBE INTO S'PORE BOTTLED WATER CASE

Health Ministry to check if products sold in country, says deputy minister

KUALA LUMPUR

THE Health Ministry will investigate the case of bottled drinking water from a Malaysian manufacturer, which has been banned in Singapore due to the presence of bacteria.

Deputy Health Minister Dr Lee Boon Chye said more information was needed to carry out the

investigation as the ministry noticed that the manufacturer had some products sold locally.

"We need more information on the product, such as which batch was affected and the source of the problem."

"If the products sold domestically are affected, we will immediately do a product recall," he said at the Vegetable Retailers Association dinner here

on Saturday.

On Saturday, the Singapore Food Agency (SFA) announced that the import of all bottled drinking and mineral water from the manufacturer was not permitted with immediate effect, following the detection of the *Pseudomonas aeruginosa* bacteria, commonly found in faeces, soil, water and sewage, for the second time.

Lee said action would be taken against the manufacturer according to the Food Act 1983 if it was found to be guilty.

He said the Health Ministry

was working closely with the Agriculture and Agro-based Industry Ministry to encourage the relevant industries to use the track and trace system to ensure food products were clean and safe.

"With the track and trace system, we can ensure the process of distributing food products, from packaging to logistics until delivery, is safe."



Dr Lee Boon Chye

"From the system, if any problem of cleanliness occurs, we need to recall to see where the products have gone — to which outlet or market — and from there, we can detect the cause of the problem."

He said the track and trace system was important for the food export business as it served as a guideline to ensure that the products were safe. *Germana*